

05 NOV 1996

NGO-Timor

PERSIDANGAN TIMOR TIMUR DITERUSKAN, KATA PENGANJUR

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Penganjur Persidangan Asia Pasifik mengenai Timor Timur (Apcet) II telah memutuskan untuk mengadakan persidangan itu di sini walaupun mendapat bantahan kerajaan.

Bagaimanapun, mereka berkata pemimpin Timor Timur yang hidup dalam buangan dan pemenang bersama Hadiah Keamanan Nobel Jose Ramos-Horta tidak akan menghadiri persidangan itu.

Jurucakap penganjur persidangan itu, Dr Sanusi Osman berkata demikian dalam sepucuk surat yang difaks kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub hari ini.

Dr Sanusi, ketika membacakan surat itu pada persidangan berita di sini, berkata: "Jose Ramos-Horta, dalam semangat muhibah, telah mengambil keputusan untuk tidak menghadiri persidangan itu bagi mengelak daripada menyulitkan keadaan Malaysia dengan Indonesia.

"Bagaimanapun, jika Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) mahu menemuinya, beliau sanggup hadir untuk membincangkan isu berkaitan," katanya.

Megat Junid, pada satu mesyuarat dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menaja persidangan itu semalam, menggesa mereka supaya membatalkannya kerana ia mungkin menjejaskan hubungan rapat Malaysia dengan Indonesia.

Persidangan tiga hari itu, yang dijadual bermula Sabtu ini, adalah untuk membincangkan isu Timor Timur yang ditakluki Indonesia pada tahun 1976 selepas ia campur tangan dalam perang saudara di bekas tanah jajahan Portugal itu.

Dr Sanusi berkata penganjur yakin bahawa persidangan itu adalah langkah yang sah ke arah mencapai satu penyelesaian aman terhadap "masalah tragik yang dialami jiran-jiran kita di Timor Timur selama lebih 20 tahun".

"Malaysia telah berusaha mencapai penyelesaian aman terhadap konflik berpanjangan di Palestin, Afrika Selatan, Kemboja, Bosnia dan Mindanao. Kita patut mengambil pendirian yang sama untuk menyokong pencapaian satu resolusi aman dan segera kepada masalah di Timor Timur," katanya.

Dr Sanusi, yang juga setiausaha agung Parti Rakyat Malaysia, berkata persidangan itu adalah satu inisiatif peribadi dan tidak mewakili atau menggambarkan dasar kerajaan, dan oleh itu tidak menjejaskan hubungan istimewa antara Malaysia dan Indonesia.

Sementara itu, Ramos-Horta dalam satu kenyataan yang dihantar kepada jawatankuasa Apcet semalam, melahirkan hasrat untuk menemui Dr Mahathir dan Anwar, dan berkata beliau akan ke Malaysia pada masa yang sesuai dan jika pertemuan itu dipersetujui.

"Saya seboleh-bolehnya tidak mahu memalukan kerajaan Malaysia. Sebaliknya, saya percaya Perdana Menteri boleh memainkan peranan yang positif dalam menyelesaikan konflik itu di negara saya," katanya.

Beliau merayu kepada kerajaan Malaysia supaya memulakan perbincangan mengenai Timor Timur di kalangan anggota Asean.

Ketika menjawab soalan, Dr Sanusi berkata pertemuan yang diadakan di sebuah hotel, seperti persidangan Apcet itu, tidak memerlukan permit polis.

Beliau berkata walaupun Ramos-Horta tidak akan datang, wakil Timor Timur yang lain akan menghadiri persidangan itu. -- BERNAMA

MAM AKD